PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (1) Jun.2018 (001-017)

Kekwat: Di Mana Bahasa dan Akal Budi Bangsa Kita?*

Hishamudin Isam, Nor Fazilah Noor Din,
Mashetoh Abd Mutalib & Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail
din@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Bahasa tidak sekadar boleh diteliti berdasarkan bentuk semata-mata, malah apa yang lebih penting, bahasa juga perlu diselidiki daripada aspek falsafah untuk menggambarkan akal budi sesuatu bangsa. Berbahasa dengan baik mampu memacu penggunanya untuk turut berkelakuan baik, menyantuni adab, dan sentiasa berada dalam lingkungan pengaruh yang baik. Namun dewasa ini, keadaan seolah-olah telah berubah. Matlamat berbahasa hanya berfokus kepada penyampaian informasi. Sekiranya informasi dapat diterima dengan baik, maka kaedah berbahasa tersebut dianggap betul. Maka tidak hairanlah sekiranya semakin cepat dan pantas sesuatu informasi tersebar, maka semakin dianggap selesalah penggunaan sesuatu bahasa tersebut, serta aktif dan cepat menular dari sekelompok pengguna kepada sekelompok pengguna yang lain. Berdasarkan premis tersebut, kertas kerja ini bertujuan meneliti penggunaan kata [kekwat] yang kerap digunakan dalam media sosial. Data diselisik menerusi pangkalan data *WebCorp* dan dianalisis menggunakan perisian *TextSTAT 2.9*. Menerusi teori Prosodi Semantik, tiga prinsip utama penganalisisan kata akan dijalankan iaitu analisis pola penggunaan, analisis makna dan analisis nilai kata. Hasil analisis menunjukkan bahawa kata [kekwat] digunakan untuk merujuk lelaki atau perempuan yang berkelakuan sombong, membawa makna sombong dan digunakan dalam lingkungan pengaruh yang bersifat pejorasi. Ketiga-tiga analisis ini juga menjelaskan penggunaan kata ini sebagai kata yang kasar dan negatif.

Kata kunci: [kekwat], media, webcorp, textstat, pejorasi.

Kekwat: The Presence and Absence of the Malay language and Intellect

Abstract

Language can be examined not only through its forms, but most notably, through its philosophy to ascertain the intellect or thinking of its users. A language user who has mastered his/her language will

**Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS dengan kod S/O 12812*

indirectly behave in a proper manner, conform to his/her customs, and socialize with the right group of people. Nevertheless, recently, situation has changed. Today's language goal focuses more on the delivery of information. If an information is received well by the receiver, then the manner of communication is perceived as appropriate. Unsurprisingly, the use of a language is considered suitable when an information is communicated instantly, rapidly and actively from one group of users to another group of users. Drawing upon this premise, this paper examined the frequent use of [kekwat] in the social media. Data were gathered from the WebCorp database and analysed through the TextSTAT 2.9 software. Three main word analysis principles derived from the Semantic prosody theory, namely the usage pattern analysis, meaning analysis and word value analysis, were employed to analyse the use of [kekwat]. The results indicated that the word [kekwat] was chiefly used to refer to snobbish males and females. It also means supercilious and is often used pejoratively. The three analyses also revealed that the word [kekwat] is negative and coarse in its usage.

Keywords: [kekwat], social media, webcorp, textstat, pejorative.

1. Pengenalan

Sejarah telah merakamkan pelbagai peristiwa suka duka, dan jatuh bangunnya sesebuah bangsa. Sejarah juga memberi peluang kepada sesuatu bangsa untuk memperbaiki segala kesilapan dan kekurangan yang pernah dilakukan. Melalui sejarah, kita dapat belajar untuk menjadi bangsa yang kukuh dan kuat berpegang pada adat resam yang ditunjangi oleh hukum syarak. Dalam menjelaskan hal ini, menurut Wan Abdul Kadir (2000), hukum Islam sebagai hukum syarak yang menjadi asas dalam budaya Melayu, bertujuan membina nilai-nilai yang baik kepada penganutnya dan keseluruhan manusia bagi melahirkan keharmonian hidup di dunia dan akhirat. Satu daripada asas kepada pegangan adat resam yang ditunjangi oleh hukum syarak ialah hal berkaitan berbahasa.

Atas kesedaran ini, maka pemikir dan cendikiawan Melayu terdahulu berusaha memupuk dan mengilir jiwa masyarakat selingkungan akan peri pentingnya mempertahankan nilai-nilai tradisi bangsa dalam berbahasa. Gurindam, syair, pantun, seloka, dan peribahasa misalnya, merupakan contoh medium pemikiran yang menjadi wadah kepada orang Melayu untuk menzahirkan peringatan kepada generasi terkini agar sentiasa berbahasa dalam keadaan yang paling baik. Kemampuan berbahasa dengan baik dapat menzahirkan keperibadian mulia seseorang, yang akhirnya dapat menyerlahkan akal budi bangsanya.

2. Bahasa dan Akal Budi Bangsa

Umumnya, bahasa boleh dipandang sebagai suatu lambang manifestasi verbal dari idea atau gagasan pemikiran penutur atau pengguna sesuatu bahasa untuk menyampaikan informasinya. Sebagai lambang manifestasi, bahasa tidak sekadar boleh diteliti berdasarkan bentuk semata-mata, malah apa yang lebih penting, bahasa juga perlu diselidiki daripada aspek falsafah (Hashim, 2006), untuk menggambarkan akal budi sesuatu bangsa. Berbahasa dengan baik mampu memacu penggunanya untuk turut berkelakuan baik, menyantuni adab, dan sentiasa berada dalam lingkungan pengaruh yang baik.

Hal ini banyak dicatat dalam peribahasa Melayu yang mengingatkan masyarakat agar sentiasa peka dalam berbahasa. Peribahasa '*kerana pulut santan terasa, kerana mulut badan binasa*' misalnya adalah contoh peribahasa yang memberi teguran dan peringatan agar kita dapat menjaga adab dan peraturan semasa berbahasa. Biarpun peringatan yang diberikan kedengaran sedikit keras (menerusi penggunaan kata *binasa*), namun masyarakat Melayu dapat menerimanya kerana penyampaian peringatan tersebut dibuat menerusi cara atau kaedah yang paling halus. Bak kata pepatah Melayu, '*ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan selerak*'. Menerusi kaedah berbahasa yang paling baik, orang yang menegur menggunakan bahasa yang bersantun, dan yang ditegur tidak terasa hati. Hasilnya masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan berhemah dan diplomasi.

Namun dewasa ini, keadaan seolah-olah telah berubah. Matlamat berbahasa hanya berfokus kepada penyampaian informasi. Sekiranya informasi dapat diterima dengan baik, maka kaedah berbahasa tersebut dianggap betul. Maka tidak hairanlah sekiranya semakin cepat dan pantas sesuatu informasi tersebar, maka semakin dianggap selesalah penggunaan sesuatu bahasa tersebut, serta aktif dan cepat menular dari sekelompok pengguna kepada sekelompok pengguna yang lain. Bemula dengan bahasa sms yang dianggap pincang (Supyan Hussin 2007; Mahmound Al-Khatib, & Enaq H Sabbah 2008; Tay Meng Guat 2011), timbul pula bahasa whatsapp yang lebih mengharukan dan mencemaskan (Bouhnik & Deshen 2014; Noor Azuan Hashim, Nor Liza Abdullah, Rosmah Mat Isa & Hawati Janor, 2015), dan terkini, muncul bahasa wechat yang dianggap bahasa alien oleh sesetengah pengguna bahasa (Nur Azlina binti Jalaluddin, & Nurhasyinda binti Shahidan 2017). Penggunaan bahasa sebegini hanya bermatlamatkan penyampaian informasi tanpa menyedari bahawa bahasa yang digunakan dapat menyerlahkan akal budi pengguna bahasa tersebut.


3. Penularan Kata Baharu Bersifat Lincah

Penularan penggunaan sesuatu kata boleh berlaku sekiranya sesuatu kata kerap digunakan oleh sesekelompok pengguna bahasa, dalam pelbagai medium penyampaian. Menariknya budaya penggunaan sesuatu kata bersifat tular ini telah memunculkan pelbagai kata yang boleh dianggap baharu dan bersifat lincah. Sesuatu kata boleh dianggap baharu sekiranya kata tersebut belum direkod dalam sebarang kamus, bersifat neologisme (kata, bentuk, binaan atau deria baharu yang dimasukkan dalam sesuatu wacana dan seterusnya dalam bahasa), mencakupi pelbagai bidang ilmu (seperti semantik, morfologi, dan leksikografi) yang hadir secara terus-menerus dan akan memasuki bahasa melalui pelbagai sumber, sama ada sumber bertulis mahupun lisan, dan terhasil daripada ciptaan penggunaan popular yang mengungkapkan perkara, kejadian, keadaan, dan benda yang berkait rapat dengan kehidupan (Halliday, Cermakova, Teubert, & Yallop 2004; Nik Safiah *et al.* 2006; Nathesan 2016).

Sesuatu kata baharu juga boleh dianggap bersifat lincah kerana penggunaannya dilentur berdasarkan kesesuaian lidah yang lincah (aktif) bergerak sehingga mampu menstruktur sistem pembentukan kata (morfologi) dan ayat (sintaksis) yang tersendiri, serta berupaya memaparkan kelincahan (kekreatifan) otak (akal) dalam membentuk sistem makna, yang juga tersendiri.

Dalam dunia sosiolinguistik, bahasa lincah bolehlah dikategorikan dalam kelompok bahasa eksklusif. Menurut Siti Hajar (2009), bahasa eksklusif ialah variasi bahasa yang memaparkan identiti penutur seperti bahasa argot (digunakan oleh golongan yang rendah akhlak), slanga (digunakan oleh sekelompok manusia dalam mempamerkan identiti kelompok mereka) dan jargon (digunakan oleh sekelompok individu dengan tugas tertentu).

Menurut Crystal (2006), penciptaan kata baharu saban hari oleh pengguna bahasa membuktikan bahawa kosa kata dalam sesuatu bahasa tidak pernah statik dan kian bertambah sejajar dengan peredaran masa. Salah satu faktor bercambahnya penggunaan kata-kata baharu dalam kalangan pengguna bahasa disebabkan oleh kekreatifan manusia selaku penutur yang telah memanipulasi penggunaan kata dalam sesuatu bahasa sehingga menjadikan sesuatu bahasa itu terus hidup dan berkembang (Noresah, 2005).



Rajah 1 Contoh penggunaan bahasa baharu

Selisikan awal berkaitan hal ini dalam laman sosial seperti di *Facebook, Instagram,* dan *Twitter* mendapati bahawa, penggunaan kata baharu bersifat lincah begitu popular dan aktif, terutamanya dalam kalangan remaja. Contohnya seperti kata *hampeh, poyo, kemain, cerciter, gaban, siot, bengkek, bengong, sempoi, mereng, cikai, huk aloh, cekeding, terer, terkezut, fofular, kejadah, otai, kautim, mengelejat, merona, kekwat, ngok, selebet, emo, steng, kencing, sengal* dan *kelememeh.* Selisikan awal juga mendapati, antara contoh sifat lincah bagi setiap kata baharu ini ialah kata tersebut dicipta untuk menjelaskan sesuatu yang tidak dapat dijelaskan dengan kata sedia ada (seperti *poyo* dan *kekwat*), bersifat akronim (contohnya *cerciter* – gabungan *cuba* dan *cerita*), berasal dari kata pinjaman (seperti *otai – old timer*), diperbaharui ejaan (contohnya *terkezut* dan *fofular* – dari kata *terkejut* dan *popular*), dan kata yang diperbaharui makna (seperti kata *kencing* (makna baru menipu) dari makna asal membuang air kecil).

Berdasarkan kepelbagaian contoh kata baharu yang disenaraikan, penggunaan kata *kekwat* boleh dianggap paling menonjol untuk dijadikan subjek kajian apabila berbincang hal berkenaan bahasa dan akal budi bangsa. Kata yang boleh dikategorikan sebagai kata adjektif ini membawa tanggapan awal berkaitan gambaran keperibadian seseorang yang berlagak sombong, baik pada orang yang menuturkannya, atau pada orang yang ditujukan sifat tersebut. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan penggunaan kata tersebut berada dalam situasi berbahasa yang bersifat pejorasi (berada dalam lingkungan pengaruh yang negatif), dan mampu menjadi petunjuk kepada akal budi pengguna kata tersebut yang juga berada dalam lingkungan pengaruh yang negatif. Walau bagaimanapun, tanggapan awal ini perlu dibuktikan melalui satu kajian linguistik yang saintifik dan empirikal yang boleh menyokong dakwaan awal tersebut, serta dapatan yang diperoleh, dapat diakui kredibilliti dan kewibawaannya.

4. Teori Pegangan dan Kaedah Analisis

Analisis terhadap penggunaan kata kekwat akan dihasilkan dengan menerapkan pengkaedahan semantik kontemporari iaitu disiplin semantik bersifat alaf baharu yang mementingkan konteks dan juga maklumat di luar lingkungan linguistik (Partee, 2007). Teori yang akan diguna pakai ialah teori Prosodi Semantik yang diperkenalkan oleh Sinclair (1991) dan Louw (1993). Menerusi teori ini, penggunaan sesuatu kata boleh diramal kepenggunaannya berdasarkan sifat sesuatu kata yang kebiasaannya akan dituruti oleh kata-kata lain yang berdampingan, bergabung, berdekatan, atau berkolokasi dengannya (Firth 1957). Menerusi teori ini juga, tiga prinsip utama penganalisisan kata akan dijalankan iaitu analisis pola penggunaan, analisis makna dan analisis nilai kata.

Menurut Stewart (2010), analisis pola penggunaan kata boleh dijalankan menerusi hubungan kolokasi sesuatu kata dengan meneliti rentang penggunaan kata (yang dianggap kata kunci), sama ada di kiri atau di kanan kata kunci pada setiap baris konkordans. Analisis makna kata pula boleh dibuat menerusi aplikasi lekapan dan pindahan makna. Berdasarkan aplikasi ini, sesuatu kata biasanya mendapat makna berasaskan proses lekapan dan pindahan makna kata-kata lain yang sering berkolokasi dengan kata yang dianggap kata kunci. Manakala analisis nilai kata boleh dijalankan dengan mengetengahkan konsep *consistent aura.* Menerusi konsep ini, sesuatu kata kunci boleh dikenal pasti nilai katanya berdasarkan hubungan kolokasi kata tersebut dengan kata-kata lain yang sering bergabung dan berdekatan, dalam hubungan kolokasi sekurang-kurangnya 3 kali. Sesuatu kata akan dianggap berada dalam lingkungan kata yang positif (ameliorisasi) sekiranya sering berkolokasi dengan kata-kata yang juga bernilai positif, dan akan dianggap berada dalam lingkungan kata yang bersifat negatif (pejorasi) sekiranya kata tersebut sering berkolokasi dengan kata-kata yang juga bersifat negatif.

Kerja-kerja pemerolehan data *kekwat* dimulakan dengan menyelisik penggunaan kata tersebut dari pangkalan data korpus *WebCorp* menerusi isihan carian *.my.* Penyelisikan data *kekwat* berdasarkan pangkalan data *WebCorp* dibuat berdasarkan hujah bahawa pangkalan ini membekalkan data yang banyak dan meluas merentasi zaman (Gatto, 2008). Pengguna juga dapat mengakses sumber asal teks dari *WebCorp* dan analisis linguistik yang dijalankan lebih bersifat

diakronik dengan mengambil kira sumber data terdahulu, dan terkini (Hundt, Nesselhauf & Biewer, 2007). Selain itu, banyak laman sesawang yang sentiasa dikemas kini, dengan beberapa juta halaman ditambah setiap hari, begitu juga halnya dengan sumber data *WebCorp* yang turut menawarkan eksploitasi carian laman sesawang yang mendalam serta memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan hasil yang segar dan terkini. Hasil selisikan menemukan statistik data yang berikut:

Jadual 1: Penggunaan Kata kekwat dalam Pangkalan Data *WebCorp*

Penggunaan	**Kekerapan**
Kekwat	14 475
Mengekwat	2011
Terkekwat	853
Jumlah	**17 339**

Jadual 1 memaparkan jumlah keseluruhan kata kunci (*kekwat*) berserta 2 lema penggunaan kata tersebut iaitu *mengekwat* dan *terkekwat*. Walau bagaimanapun, dalam kertas kerja ini, hanya kata *kekwat* sahaja yang akan dianalisis. Jumlah kekerapan sebanyak 14 475 kali ini dianggap memadai untuk meneliti penggunaan kata kekwat dari tiga (3) analisis yang akan dijalankan (analisis pola penggunaan, makna dan nilai kata).

Kesemua data daripada *WebCorp* yang dikumpul, seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *TextSTAT 2.9*. Radiah (2014) menjelaskan perisian *TextSTAT* amat sesuai digunakan kerana perisian ini amat memudahkan kerja-kerja menganalisis serta menjimatkan masa pengkaji. Penggunaan *TextSTAT* juga dapat membantu pengkaji mendapatkan data yang teratur, dan sistematik. Penganalisisan data melalui perisian *TextSTAT* boleh dicapai secara percuma dan pengkaji meneliti data menerusi lajur *word form, concordance,* dan *citation.* Menerusi lajur *concordance,* antara pola menarik yang boleh diteliti ialah seperti kekerapan, kolokasi, konkordans, dan rentang kata bagi setiap kata yang dianalisis (Diniz, 2005). Selain itu, lajur *word form* dan *citation* pula membantu pengkaji dalam usaha untuk mengukuh serta melengkapkan data kajian.

5. Dapatan kajian dan Perbincangan

Sebagai permulaan, dipaparkan sebahagian daripada contoh penggunaan kata [kekwat] yang dianalisis dalam kajian ini.

Jadual 2: Senarai Konkordans *kekwat*

1. Lelaki ***kekwat*** macam tu kau layan? Buang masa beb. Kalau aku, aku campak ke sungai je huahahahahah [WC211]
2. says::: lucu bila ada orang nak ckp psl hormat2 ngn aku,,,ahahhaha cakap aku xreti hormat majlis..NI AKU NK PESN KT KO..nak nasihat org cermin diri ko dulu ..kalau dlm kelas lecturer tgh ngajar kat depan ko boleh cakap2 kat blkng, xhormati keputusan orang. tu "HORMAT" ke nama nye????? budak kalau baru nak naik jgn ***kekwat*** sgt 6t jatuh tersunggkur ke bumi ssh dah nak terbang balik,...,WATCH YOUR MOUTHHHHHH....[WC23]
3. Heiii ! Awat muka ***kekwat*** sangat bedah oii ? haha Orang cakap mgn dia "Nekbu nak negok dik amek Gambar , Senyum " Bahhhh dia bagiii Ehhh kerek luuu ... Ingat santek.. Anak ku gelap ... Macam ni la ank peniaga Ikot je kemana Mama pegi 😘😘😘😘[WC45]
4. Badan je sado boleh harap, tapi muka ***kekwat***. Jantan macam tu sila mereput dalam jamban [WC119]
5. Kastemer diva,*** kekwat***... akak x layan. Soryyyyy!!! Akak pakej bajet bajet je, korang mesti nak yg ekslusif kan... kalau x,,, xkan ***kekwat semcm je..[WC66]
6. Kekwatnya.. org lain ada byk dr u xda nk gedikss sgt pn.. haahhahaa [WC89]
7. Muka siyes syiaallll ada hati buat perangai ***kekwat*** langkah diva. Ulu mana kau datang ni bro??? [WC652]
8. Inspirasi makeup kali ni ala ala boscooooooooo..Buat mana mampu je ..Tak tau kenapa cahaya agak kuning. Yelahh snap waktu nak maghrib maka cahaya kurang 🤔□😊😀 Siapa nak tuto makeup look ni? Muka ***kekwat***..Sesuai acara malam . Siang x sesuai sebab sangat berat .Makeup by me LBQ. [WC257]
9. Suara hilang . nak cakap pun tersangkut2 😂😂😂😂sebab tu kalau tyra banyak diam tu bkn tak nak bercakap tau tapi suara mmg tengah takda . kdg2 keluar kdg2 tak harap faham naa . bukan ***kekwat*** tau [WC 258]
10. Amboimak… bahasa… punyalah ***kekwat***. Ni jantan kebulur kot ni yang cenggini sekali ni. [WC72]
11. Berehhh boh… aku sekali desyuppp je konfem pempuan-pempuan ***kekwat*** tak sedo diri ni aku tapau. Perangai macam musibat der
12. Alhamdulillah...nk kol 1 pagi dah! Baru siap packing!! 86 helai semua untuk hari ini sahaja.Nak pos esok 4 aje tapi yang self pick up boleh tahan... Mana yang WA kita belum reply mohon anda sabar ye..!!InsyaAllah kita akan layan anda...Smbg esok pula ye^_^. Siapa yang asek intai2 page kita tu jom la rembat selai dua.Mesti suka sebab kita sendiri memang ***kekwat*** bab2 pilih kain tudung dan design ni...[WC314]
13. Pengumuman pengumuman. Sila meninggal kepada lelaki-lelaki ***kekwat*** yang hanya berminat dengan pompuan cantik sedangkan kau tu yyyaaaannnnghadooooo… [WC19]
14. Nape la pondan2 suka mencarut..***kekwat***..berlagak...ko diva sangat ke...hello..kalo ko dah naik bmw sekali pon..aku tak heran la sundalll!!!! [WC321]
15. Kita putus asa tau camnih. Penat kita melawa tepek bedak sana sini, hadek-hadek ***kekwat*** juga yang dia pilih. Kita ni tak cukup cantik ke? [WC107]

15 contoh penggunaan kata [kekwat] yang dipaparkan dalam Jadual 1 di atas adalah sebahagian dari kepelbagaian cara kata tersebut digunakan. Analisis kata ini akan dimulakan dengan meneliti pola penggunaan kata tersebut.

i. Analisis Pola Penggunaan *Kekwat*

Setiap baris konkordans dalam Jadual 2 menyenaraikan kolokasi terdekat di sebelah kanan dan kiri kata kunci [kekwat]. Rentang kata di kiri dan kanan kata kunci dijadikan sebagai sandaran kepada analisis pola penggunaan bagi [kekwat]. Walau bagaimanapun, hanya kata yang berkolokasi lima kali atau lebih dengan kata kunci sahaja yang disenaraikan. Hasil selisikan menunjukkan kata [kekwat] paling kerap berkolokasi (kiri) dengan kata [muka] dan [perangai], manakala kolokasi di sebelah kanan pula sering berhubung dengan kata [kerek] dan [berlagak]. Berikut disertakan Jadual 3 yang dapat menjelaskan hal tersebut.

Jadual 3: Kolokasi Kiri Dan Kanan Bagi Kata *Kekwat*

Kolokasi Kiri	Kekerapan	Kolokasi Kanan	Kekerapan
Muka	452	Kerek	562
Perangai	316	berlagak	309
Diva	221	diva	225
Sundal	214	Gedik	203
Bahasa	117	hancur	173


Berdasarkan Jadual 3 di atas, kolokasi bagi kata [muka] (kolokasi kiri) dan [kerek] (kanan) mencatatkan frekuensi tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 452 kali dan 562 kali. Maklumat ini jelas mencerminkan kecenderungan perilaku penggunaan kata [kekwat] dengan kata [muka] dan [kerek] yang dapat membantu menjelaskan pola penggunaan kata tersebut. Sebagai huraian kepada keadaan di atas, setiap baris konkordans akan distruktur berdasarkan item yang dikenal pasti, untuk memperlihatkan bentuk perilaku yang terhasil dalam menterjemahkan pola penggunaan kata [kekwat]. Hasil analisis dapat dijelaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Pola Penggunaan Bagi Kata *Kekwat*

AYAT	KWIC	PERUCAP	AKTIVITI	RUJUKAN	KETERANGAN
1	Kekwat	aku	campak ke sungai	lelaki	
3	Kekwat	ku	amek gambar	Bedah	muka, kerek
4	Kekwat		sila mereput	jantan	muka
7	Kekwat		langkah diva	Kau	perangai
10	Kekwat		Kebulur	jantan	bahasa
11	Kekwat	aku	desyuppp	pempuan	tak sedo diri
14	Kekwat	aku	mencarut	pondan	berlagak

Jadual 4 di atas dapat menjelaskan corak penggunaan kata [kekwat] menerusi paparan lajur ayat, KWIC, perucap, aktiviti di sebalik penggunaan kata kunci, rujukan atau individu yang dirujuk dan keterangan ayat. Keseluruhan paparan dalam Jadual 4 dapat membantu pengkaji menganalisis pola penggunaan kata [kekwat] yang biasanya dituturkan oleh individu (berdasarkan

penggunaan kata [aku]) yang menghadapi masalah dengan orang yang dirujuk. Bukti leksikal yang menunjukkan wujudnya masalah antara perucap dengan rujukan ialah isu yang mengikat antara keduanya (dijelaskan sebagai aktiviti) yang memperlihatkan terjadinya kes-kes berbaur negatif seperti campak ke sungai (contoh 1), sila mereput (contoh 4), kebulur (contoh 10) dan mencarut (contoh 14). Melalui pemahaman analisis pola penggunaan ayat dalam Jadual 4 juga menunjukkan, rujukan terhadap individu yang ditujukan sifat [kekwat] tersebut boleh terdiri daripada lelaki (kata [lelaki], dan [jantan]) atau perempuan (kata nama khas [Bedah] dan [pempuan], dan juga individu jantina ketiga (pondan). Menariknya gambaran sifat [kekwat] turut diperjelaskan dalam kebanyakan ayat contoh yang dianalisis seperti [muka] (contoh 3 dan 4), [kerek] (contoh 3), [perangai] (contoh 7), [bahasa] (contoh 10), [tak sedo diri] (contoh 11), dan [berlagak] (contoh 14). Dapatan ini secara tidak langsung dapat menjelaskan pemahaman bahawa kata [kekwat] digunakan oleh individu yang menghadapi masalah dengan seseorang individu yang lain, yang dianggapnya bersifat negatif, yang berpaksikan kepada tiga (3) elemen utama iaitu [kekwat] yang dizahirkan pada wajah, [kekwat] yang dizahirkan pada perangai dan [kekwat] yang dizahirkan pada bahasa. Pemahaman pola penggunaan kata [kekwat] boleh dijelaskan dengan lebih mudah berdasarkan rajah representasi skematik yang berikut:




Rajah 2: Struktur visual [kewat] pada wajah, perangai, dan bahasa

ii. Makna *Kekwat*

Prinsip sesuatu kata mendapat makna berdasarkan proses lekapan dan pemindahan makna hasil hubungan kolokasi kata dalam segugusan ayat yang digagaskan oleh Prosodi Semantik membantu proses analisis dalam mengesan makna [kekwat] yang masih kabur. Menerusi pendekatan teori ini, proses lekapan makna berlaku dalam keadaan sesuatu kata (kekwat) memperoleh makna hasil daripada terlekapnya makna kata-kata lain yang bergabung, berdekatan dan berkolokasi dengan [kekwat]. Contohnya, makna bagi [muka] (contoh 3 dan 4), [kerek] (contoh 3), [perangai] (contoh 7), [bahasa] (contoh 10), [tak sedo diri] (contoh 11), dan [berlagak] (contoh 14) yang dianggap sebagai bukti leksikal, telah melekap kepada makna kata [kekwat]. Proses ini berlaku kerana pengaruh kuat yang dibawa oleh setiap kata-kata yang dianggap sebagai bukti leksikal tadi, telah melekapkan makna masing-masing kepada makna kata [kekwat].

Proses lekapan makna tidak dapat berlaku dengan sendirinya tanpa satu lagi proses penting iaitu proses pemindahan makna. Apabila sesuatu kata membawa pengaruhnya yang kuat untuk melekap kepada sesuatu kata yang lain, maka secara tidak langsung, makna kata tadi turut berpindah kepada kata tersebut. Keadaan ini menjelaskan bahawa, untuk membolehkan kata [kekwat] membangun sebagai satu kata yang bermakna, telah berlaku proses lekapan dan pemindahan makna yang terhasil daripada hubungan kata [kekwat] dengan kata-kata lain yang berkolokasi secara erat. Rajah 3 di bawah dapat menjelaskan proses lekapan dan pindahan makna kata-kata lain kepada kata [kekwat].



Rajah 3: Proses Lekapan dan Pindahan Makna *Kekwat*

Petunjuk :

Proses lekapan makna
Proses pindahan makna

Rajah 3 di atas menunjukkan bagaimana kata [kekwat] mampu membangun untuk memperoleh makna yang tersendiri hasil daripada proses lekapan dan pindahan makna bagi kata-kata berhuruf tebal seperti [muka], [perangai], [bahasa], [berlagak], [kerek], [diva], [ulu], [sundal], [musibat], [diva], [syialll], [mencarut], dan [mereput]. Analisis kritis terhadap kesemua kata-kata berhuruf tebal tersebut membuktikan bahawa, kolokasi terhampir kata [kekwat] berlaku pada tahap penonjolan 'rupa' *kekwat* seperti pada [muka], [perangai], dan [bahasa]. Kemudian hubungan kolokasi tersebut berkembang dengan penonjolan 'sifat' *kekwat* seperti [berlagak], [kerek], [diva], [ulu], [sundal], [musibat], [diva], dan [syialll]. Proses lekapan dan pindahan makna yang berlaku akhirnya telah menonjolkan 'rupa' dan 'sifat' kata [kekwat] tanpa disedari, tetapi tidak sewenang-wenangnya.

Hasil analisis makna dari sudut 'rupa' membuktikan, [kekwat] dapat dikenali melalui [muka], [perangai], dan [bahasa]. Keadaan ini bermaksud, seseorang boleh dianggap *kekwat*, sekiranya menampilkan ciri-ciri muka yang *kekwat* seperti 'muka berlagak', 'muka kerek' atau 'muka sundal'. Begitu juga dengan 'rupa' *kekwat* dari sudut perangai dan bahasa, boleh ditebak sebagai kekwat jika menampilkan ciri-ciri perangai dan bahasa yang kekwat sekiranya berperangai atau berbahasa yang berlagak, berperangai atau berbahasa yang kerek, atau berperangai atau berbahasa

yang diva. Kesemua ciri-ciri yang ditampilkan menyamai ciri-ciri 'rupa' seseorang yang sombong, angkuh, riak atau pongah yang mengetengahkan ciri-ciri yang serupa seperti meninggi diri atau berperasaan tinggi diri.

Selain itu, hasil analisis dari sudut 'sifat' pula membuktikan bahawa, kata [kekwat] boleh dikelompokkan dalam golongan kata adjektif kerana, kata [kekwat] sering digunakan untuk menyifatkan peribadi dan tingkah laku seseorang dengan ciri-ciri tertentu. Jika diteliti kolokasi di kiri dan kanan [kekwat], sifat yang digambarkan oleh setiap rentang kata yang berdampingan dengan [kekwat] boleh membawa makna yang menjurus dan tersendiri, yang membawa maksud meninggi diri atau berperasaan tinggi diri, sesuai dengan lekapan dan pindahan makna yang seerti dengannya seperti kata [berlagak], [kerek], [diva], [ulu], [sundal], [musibat], [diva], dan [syialll]. Sebagai rumusan terhadap analisis ini, dapat disimpulkan bahawa kata [kekwat] membawa maksud gambaran riak wajah (muka), kelakuan (perangai), dan tutur kata (bahasa) seseorang (sama ada lelaki, wanita, atau golongan ketiga) individu yang berperwatakan meninggi diri atau berperasaan tinggi diri (bercirikan sifat-sifat umum seperti berlagak, kerek, diva, ulu, sundal, musibat, diva, dan syialll.

iii. Maklumat Tambahan *Kekwat*

Berdasarkan analisis ketiga-tiga jenis penggolongan kata yang bersifat *content lexical* (kata nama, kata kerja, dan kata adjektif), didapati kata [kekwat] lebih kerap berkolokasi dengan kata yang negatif sifatnya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Menerusi jadual tersebut, jumlah rentang kata yang menjurus ke arah nilai positif, negatif, dan neutral dapat diperhatikan mengikut penggolongan kata, iaitu kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Kolokasi dengan kata yang bernilai negatif dicatat lebih tinggi, jauh meninggalkan kolokasi dengan kata bernilai positif atau neutral bagi ketiga-tiga golongan kata. Keadaan ini sekaligus mempamerkan dapatan yang secara spesifik menunjukkan bahawa kata [kekwat] berpotensi berada dalam lingkungan kata-kata yang juga bernilai negatif.

Jadual 5: Analisis Nilai Kata Bagi [kekwat]


Penggolongan Kata	Nilai	Jumlah
Kata Nama	Positif	41
	Negatif	312
	Neutral	85
Kata Kerja	Positif	39
	Negatif	344
	Neutral	82
Kata Adjektif	Positif	98
	Negatif	451
	Neutral	63

Secara spesifik pula, Jadual 6 di bawah memperincikan senarai rentang kata yang bernilai negatif dengan kata kunci [kekwat] berserta kekerapannya. Berdasarkan analisis, didapati kata [kekwat] lebih kerap berkolokasi dengan kata-kata yang bernilai negatif, seperti kata [kerek], [berlagak], [sundal], [gedik], [mencarut] dan [menyampah]. Manifestasi nilai yang bersifat negatif ini membuktikan bahawa kata [kekwat] telah mengalami perkembangan proses pejorasi (perkembangan makna yang kurang disenangi) bermula dari kolokasi kata nama, kata kerja, sehinggalah kepada kata adjektif.

Jadual 6: Senarai Rentang Kata Yang Bernilai Negatif Dan Kekerapan

JENIS KATA	**JENIS / KEKERAPAN**			
Kata Nama	minah	pempuan	ponda n	jantan
	134	166	194	203
Kata Kerja	mencarut	mereput	intai	menyampah
	92	89	78	97
Kata Adjektif	sundal	kerek	berlag ak	gedik
	214	562	309	203

Pembukitan setiap jenis kata dan paparan kekerapannya adalah kata yang bernilai negatif dapat dibuktikan melalui analisis jaringan semantik seperti dianjurkan dalam pendekatan prosodi semantik. Melalui proses ini, setiap kata bersifat kata kunci yang berkolokasi dengan kata-kata lain, boleh dikesan nilainya bersandarkan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) kali hubungan kolokasi kata kunci tersebut dengan kata-kata yang sering berkolokasi dengannya. Sehubungann itu, penjelasan berkenaan nilai negatif bagi kata [kekwat] boleh diuji melalui analisis jaringan semantik seperti dalam Rajah 4 di bawah.



Rajah 4: Jaringan Semantik Kata *Kekwat*

Rajah 4 di atas memaparkan hubungan 3 kolokasi yang berlaku pada tahap kata menerusi kata [kekwat] terhadap kata-kata lain yang sering berkolokasi dengannya secara tekal. Kata [kerek] dalam kolokasi 1 mempunyai hubungan dengan kata [perasaan] dalam kolokasi 2. Pada masa yang sama, kata [perasaan] dalam kolokasi 2 berhubungan dengan kata [sombong] dalam kolokasi 3. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa, pertama, ketiga-tiga hubungan kolokasi tersebut berlansung dalam suasana yang negatif kerana ketiga-tiga kata yang berkenaan saling berhubungan dengan kata-kata yang diyakini juga bernilai negatif. Kedua, setiap kata yang berkolokasi ([kerek], [perasan], dan [sombong]) boleh dikatakan bernilai negatif kerana berada dalam suasana hubungan yang turut bernilai negatif. Menerusi analisis jaringan semantik yang digagaskan dalam pendekatan prosodi semantik, tiga hubungan kolokasi ini telah memadai untuk memberi tanggapan terhadap inteprestasi nilai bagi kata [kekwat] yang boleh dikatakan turut bernilai negatif kerana berada dalam suasana hubungan yang negatif.

6. Implikasi

Hasil keseluruhan analisis yang melibatkan aspek pola penggunaan, makna dan nilai kata terhadap kata [kekwat] menunjukkan bahawa, kata [kekwat] digunakan oleh individu yang menghadapi masalah dengan seseorang individu yang lain, yang dianggapnya bersifat negatif, yang berpaksikan kepada tiga (3) elemen utama iaitu [kekwat] yang dizahirkan pada wajah, [kekwat] yang dizahirkan pada perangai dan [kekwat] yang dizahirkan pada bahasa. Dari aspek makna, kata [kekwat] membawa maksud gambaran riak wajah (muka), kelakuan (perangai), dan tutur kata (bahasa) seseorang (sama ada lelaki, wanita, atau golongan ketiga) individu yang berperwatakan meninggi diri atau berperasaan tinggi diri (bercirikan sifat-sifat umum seperti berlagak, kerek, diva, ulu, sundal, musibat, diva, dan syialll. Sementara itu, dari aspek nilai kata pula, kata [kekwat] boleh dikatakan bernilai negatif atas alasan sering berada dalam suasana hubungan yang negatif kerana kerap berkolokasi dengan kata-kata yang turut bernilai negatif. Penggunaan kata seperti ini tentunya memberi implikasi terhadap individu yang menggunakan kata tersebut, yang memperlihatkan siasah dan perwatakan individu tersebut secara luaran. Dari

aspek perkembangan bahasa pula, walaupun kita sememangnya mengharapkan bahasa Melayu berkembang dan membangun, tetapi perkembangan tersebut seharusnya bersesuaian dengan budaya, akal dan budi bangsa kita kerana hal-hal ini sangat memberi kesan kepada generasi pengguna bahasa Melayu akan datang.

7. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa kata kekwat adalah kata baharu yang dizahirkan oleh pengguna bahasa hari ini yang mencari ciri kelainan terhadap kata seerti dengannya yang sudah ada seperti sombong yang bersinonim dengan kata angkuh, bongkak, tinggi hati, congkak, pongah, riak, takbur, cakap besar, hidung tinggi, megah, aga, peteras, kocak, congah, bongak, uju, ujub, songor, songar, maghrur, hagas, leweh, panggak, umuk, agul-agul, anggak, gaduk, burakah, dan pondik (Tesaurus Bahasa Melayu, 2015). Walaupun kata-kata dalam bahasa Melayu yang seerti dengannya sudah ada, malahan kaya pula perbendaharaan padanannya, namun pengguna bahasa seolah-olah tidak menyedari akan hal ini.

Selain usaha mencipta dan mempopularkan kata-kata baharu seperti yang dilakukan (sama ada secara sengaja atau tidak) oleh sebahagian pengguna bahasa, kita juga seharusnya mengimbangi usaha untuk mempopularkan semula kata-kata padanan dalam bahasa Melayu yang dapat mencirikan makna sesuatu kata. Hal ini kerana kata-kata sedia ada dalam bahasa Melayu sudah cukup dapat menggambarkan keperibadian, serta akal budi bangsa kita yang cukup bersopan dalam berbahasa. Hal ini menyamai seperti apa yang dikatakan oleh Brown (1989) yang memuji orang Melayu kerana dikatakan sangat bijak berbahasa, sama ada semasa menggunakan dan menggayakan sesuatu kata. Pertama kerana bijak menggunakan kata yang ringkas, tetapi mengandungi maksud yang mendalam (panjang), dan keduanya, bijak berbahasa biadap dalam sopan, sehingga kesannya boleh mengetarkan hati seseorang yang terkena sindirian tersebut, tetapi tidak pula menimbulkan perasaan marah. Namun persoalannya sekarang, bagaimana pula dengan sifat kata-kata baharu, adakah dapat dan mampu menunjangi akal budi bangsa kita?

Bibliografi

Bouhnik, D. & Deshen, M. 2014. WhatsApp goes to school: Mobile instant messaging between teachers and students. *Journal of Information Technology Education: Research, 13*, 217-231.

Brown, C. C. 1989. *Malay sayings*. Singapura: Graham Bash.

Crystal, D. 2006. *How language works.* New York: Penguin Group.

Diniz, L. 2005. Comparative review: TextSTAT 2.5, Antconc 3.0 and Complete lexical tutor 4.0. *Language Learning & Technology, Georgia State University, 9*(3), 22-27.

Firth, J.R. 1957. *Papers in Linguistics.* London: Longman.

Gatto, M. (2008). *From body to web: An introduction to the web as corpus.* Laterza :

University Press On-line.

Halliday, M.A.K., Cermakova, A., Teubert, W., & Yallop, C. 2004. *Lexicology and corpus linguistics* : *An introduction.* London, New York : Continuum

Hashim Haji Musa. 2006. *Pengantar falsafah bahasa* (ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hundt, M., Nesselhauf, N., & Biewer, C. 2007. *Corpus linguistics and the web.* New York: Rodopi B.V.

Louw, W.E. 1993. 'Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies' dalam Baker, M., Gill, F., & Elena, T.B.(Eds). *Text and Technology: In Honour of John Sinclair.* Amsterdam: John Benjamins. 157-76.

Mahmound Al-Khatib, & Enaq H Sabbah. 2008. Language Choice in Mobile Text Messages among Jordanian University Students. *SKY Journal of Linguistics, 21*, 37-65.

Nathesan, S. 2016, Februari. Kosa kata baharu dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, *02*, 12-15.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2006. *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Azuan Hashim, Nor Liza Abdullah, Rosmah Mat Isa & Hawati Janor. 2015. WhatsApp Messenger Application among Business Students in Malaysia – An Exploration. *Jurnal Personalia Pelajar, 18* (2), 97-105

Noresah Baharom. 2005. Kamus Dewan Edisi Keempat kini di pasaran. http://www.dbp.gov.my/klikdpb/klik5jun5.pdf [16 Mac 2010]

Nur Azlina binti Jalaluddin, & Nurhasyinda binti Shahidan. 2017. Modenisasi bahasa di kalangan gen Z. Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2). 24-27 April 2017, Kolej Universiti Islam Selangor, Selangor.

Partee, B. H. 2007. The handbook of semantic contemporary theory. Dalam Shalom, L. & Chris, F. (Eds.*). The development of formal semantic inlinguistic theory.* Blackwell Reference

Radiah Yusoff. 2014) Textstat untuk membina dan menganalisis korpus analisis kontrastif. Dalam Noriah Mohamed, & Radiah Yusoff (Eds.), *Pendekatan kontrastif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Siti Hajar Abdul Aziz. 2009. *Bahasa Melayu II.* Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Sinclair, J. 1991. *Corpus, concordance, collocation*. Oxford : Oxford University Press.

Stewart, D. 2010. *Semantic prosody: a critical evalution*. New York: Routledge Pub.

Supyan Hussin. 2007. Korpus bahasa SMS: Antara kreativiti dan ancaman kepada bahasa. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho & Idris Aman (Penyt.), *Linguistik: Teori dan aplikasi*. (258-277). Bangi: Penerbit UKM.

Tay Meng Guat. 2011. Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa sms dalam kalangan guru pelatih, *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang, Jilid 10*, 1 – 26.

Tesaurus Bahasa Melayu. 2015. *Tesaurus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Abdul Kadir. 2000. *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu.* Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu mengarang Melayu edisi ejaan rumi baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Supyan Hussin. 2007. Korpus bahasa SMS: Antara kreativiti dan ancaman kepada bahasa. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho & Idris Aman (Penyt.), *Linguistik: Teori dan aplikasi*. (258-277). Bangi: Penerbit UKM.

Tay Meng Guat. 2011. Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa sms dalam kalangan guru pelatih, *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang, Jilid 10*, 1 – 26.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu mengarang Melayu edisi ejaan rumi baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.